



PENGARUH PERSONALITI DALAM KESERONOKAN MENONTON FILEM SERAM

Aselawati Che Ab Adziz, Rohani Hashim dan Hasrina Mustafa

Penerbitan filem seram pada abad ke-21 sangat memberangsangkan di Malaysia. Malah ia juga turut berlaku kepada industri perfileman antarabangsa seperti di Korea, Jepun, Thailand juga di Amerika Syarikat dan Britain. Genre ini tidak pupus walaupun perkembangannya ada kala turun dan naik. Walau, bagaimanapun pada tahun 2000-an peningkatan pengeluaran filem genre seram yang naik mendadak selaras dengan perkembangan genre ini di peringkat antarabangsa membuatkan ia menjadi satu lambakan kepada industri filem di Malaysia (Hanneeyzah Bariah, 2011). Justeru, apa yang menjadi persoalan bagaimanakah ciri individu atau personaliti penonton minat terhadap filem seram ini? Perkataan personaliti berasal daripada bahasa Latin iaitu '*persona*' yang memberi maksud topeng. "*Personality can be defined as a dynamic and organized set of characteristics possessed by a person that uniquely influences his other cognitions, motivations, and behaviors in various situations*". (Ryckman, 2004). Menurut Allport, personaliti ialah satu organisasi dinamik berkaitan dengan sistem psikofizikal dalam diri individu yang akan menentukan penyesuaian tertentu ke atas persekitaran (Yahaya, 2008). Yahaya (2008) menjelaskan pembentukan personaliti ini merupakan sesuatu yang dipanggil 'sistem psikofizikal' iaitu tabiat kebiasaan, sikap, nilai kepercayaan, keadaan emosi, sentimen dan motif yang dalam bentuk psikologi tetapi mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf, kelenjar dan keadaan tubuh badan. Ia bukan sahaja terhasil daripada baka malah ada faktor lain juga yang mempengaruhi personaliti manusia. Faktor tersebut terbentuk

dengan cara pembelajaran akibat pengalaman seseorang kanak-kanak. Sistem psikofizikal adalah kuasa penggerak yang menentukan penyesuaian jenis apakah yang dibuat oleh seseorang kanak-kanak. Sehubungan itu, dalam bab ini juga akan membincangkan instrumen yang digunakan dalam pengukuran personaliti *Big Five* serta keseronokan menonton filem seram.

Personaliti dan Keseronokan Menonton Filem Seram

Personaliti yang ingin dibincangkan dalam bab ini menjerus kepada personaliti daripada pengukuran dimensi *Big Five Personality* oleh Goldberg (1996). *Big Five* merupakan suatu model secara diskriptif tentang personaliti. Pembentukan *Big Five* diperoleh pada tahun 1981 di simposium di Honolulu. Ia dibina hasil daripada persetujuan oleh pengkaji-pengkaji utama iaitu Goldberg, Tekemoto-Chock, Comrey dan Digman (1996) setelah semakan semula ujian personaliti yang sedia ada dan mendapati kebanyakannya mengukur lima faktor yang utama ini.

Dimensi personaliti dibahagikan kepada lima dimensi yang utama iaitu:

1. ***Ekstrovert (Extraversion)*** seseorang yang mempunyai ciri-ciri seperti suka pergaulan sosial, peramah, suka bercakap, serta esertif. Personaliti jenis ini juga mudah serta selesa berhubung dengan persekitaran, bertenaga, bersemangat, merupakan individu yang berorientasikan tindakan. Selain itu juga, individu personaliti ini sering menerima dan melakukan apa sahaja peluang yang diberikan untuk mencari kepuasan diri sendiri serta mendapat keseronokan dengan apa yang dilakukan. Ia juga seorang yang gemar bercakap, berpendirian tegas dan sangat bersemangat.